

TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF

MENTERI KANAN KERJA RAYA

SEMPENA

MAJLIS SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA

PERINGKAT KEMENTERIAN KERJA RAYA TAHUN 2021

Bismillahir Rahmanir Rahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera kepada seluruh warga Kementerian Kerja Raya yang saya kasihi,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya jua, kita dapat meraikan Majlis Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia Peringkat Kementerian Kerja Raya Tahun 2021 secara maya pada hari ini.
2. Pada 31 Ogos 2021 yang lalu genaplah 64 tahun perisytiharan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Nikmat keamanan dan ke-makmuran yang kita kecapi hari ini semuanya terhasil daripada jerit perih perjuangan dan titisan keringat nenek moyang kita yang bermati-matian memperjuangkan kemerdekaan tanah air tercinta.
3. Pada 16 September 2021 pula genap 58 tahun pembentukan Malaysia. Detik bersejarah 16 September 1963 menyaksikan penyatuan Persekutuan Tanah Melayu bersama Sabah, Sarawak dan Singapura

membentuk negara baharu bernama Malaysia. Walau bagaimanapun, Singapura telah keluar dari Malaysia pada tahun 1965. Menerusi Pembentukan Persekutuan Malaysia, pemimpin dan rakyat telah bersetuju untuk hidup sebagai sebuah negara yang aman, makmur dan bersatu. Alhamdulillah, pada hari ini kita semua bangga menjadi sebuah Keluarga Malaysia.

KELUARGA MALAYSIA

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Semasa ucapan ulung YAB Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-9, beliau telah mengetengahkan konsep Keluarga Malaysia sebagai pendekatan yang perlu disemaikan dalam jiwa setiap rakyat di negara ini. Konsep ini amat tepat dan bersesuaian dengan situasi negara pada masa kini yang memerlukan masyarakat Malaysia bersatu hati, bertindak sebagai sebuah keluarga yang kukuh serta saling melengkapi.

5. Pendekatan Keluarga Malaysia adalah bertepatan dalam konteks kesejahteraan negara dan rakyat. Pendekatan ini menonjolkan elemen

nilai-nilai murni dalam institusi kekeluargaan seperti kasih sayang, toleransi, empati serta pengorbanan. Apabila sifat-sifat ini tumbuh mekar dalam jiwa rakyat, maka akan lahirlah masyarakat yang saling berganding bahu, mengamalkan sikap muafakat dan mempamerkan semangat solidariti. Seterusnya kita akan mampu membangunkan kembali negara Malaysia yang disayangi ini sebagai sebuah negara yang aman, maju dan makmur.

HARI KEBANGSAAN 2021 / MALAYSIA PRIHATIN

6. Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun ini disambut dalam suasana sederhana susulan pandemik COVID-19. Tema “Malaysia Prihatin” dengan logo berbentuk hati berwarna Jalur Gemilang kekal seperti tahun sebelumnya. Tema ini dipilih seiring dengan iltizam dan aspirasi berterusan Kerajaan dalam menyemai rasa cinta rakyat di negara kita tanpa mengira bangsa, agama dan juga ideologi politik.

7. Selain menyemai rasa cinta rakyat kepada negara, tema tersebut juga menyemarakkan semangat kebersamaan, mengambil berat dan

bekerjasama dalam memerangi pandemik COVID-19 serta membangunkan negara. Kerajaan juga prihatin dengan cabaran yang dihadapi oleh rakyat yang terkesan dan telah menyediakan pelbagai pakej inisiatif untuk memastikan kelangsungan ekonomi dan kehidupan rakyat.

8. Kita masih belum menang tetapi kita sedang menuju ke arah tersebut. Program Vaksinasi Negara telah berjalan dengan begitu baik dan peratusan rakyat Malaysia yang telah lengkap menerima vaksinasi telah meningkat sehingga melebihi 50% dari populasi keseluruhan.

9. Kelonggaran pergerakan telah mula diberikan kepada individu yang telah lengkap jadual vaksinasi, namun wabak tersebut masih boleh tersebar . Maka sentiasalah kita patuhi kepada SOP yang telah ditetapkan. Kepada yang masih belum mendapatkan vaksinasi COVID-19, segeralah mendaftar di aplikasi MySejahtera bagi mendapatkan tarikh temujanji vaksinasi. Lindungi diri, lindung keluarga, lindung semua.

PROGRAM BULAN KEBANGSAAN PERINGKAT KEMENTERIAN KERJA RAYA TAHUN 2021

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi,

10. Program Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2021 Peringkat Kementerian Kerja Raya telah dilancarkan pada 9 Ogos yang lalu dimana pelbagai program telah dirangka dan dilaksana bagi menyambut sambutan Bulan Kebangsaan dengan mematuhi SOP dan norma baharu.

11. Kementerian Kerja Raya dengan kerjasama dan penglibatan JKR, CIDB dan LLM telah berjaya menyertai Program Keceriaan Antara Kementerian dibawah anjuran Jabatan Penerangan Malaysia, yang melibatkan kesemua 26 buah kementerian di sekitar WP Putrajaya dan Kuala Lumpur. Fokus utama program ini ialah untuk mewujudkan suasana keceriaan sambutan ulang tahun Kemerdekaan serta kreativiti pengibaran Jalur Gemilang di premis Kementerian dan Agensi masing-masing. Terima kasih diucapkan kepada semua warga Kementerian dan Agensi di atas penglibatan, usaha dan semangat kerjasama yang diberikan.

12. Selain itu, Kementerian Kerja Raya dengan kerjasama Kelab Sukan Dan Kebajikan KKR dan Puspanita telah melaksanakan “**Program CSR Merdeka KKR**”. Menerusi program ini, sumbangan bantuan diberikan kepada Rumah Orang Tua Al-Ikhlas pada 16 Ogos 2021.

13. “**Pertandingan Kuiz Merdeka KKR**” juga telah diadakan selama lima (5) hari berturut-turut bermula pada 23 hingga 27 Ogos 2021. Pertandingan ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua warga Kementerian dan Agensi.

14. Seiring dengan kemudahan teknologi dan aplikasi terkini serta penyesuaian norma baharu, “**Pertandingan Pantun TIKTOK Merdeka KKR**” juga telah dilaksanakan. Saya juga dimaklumkan bahawa senarai pemenang bagi pertandingan yang dianjurkan akan diumumkan pada hari ini. Syabas dan tahniah di atas penglibatan dan sambutan yang diberikan.

PENUTUP

Saudara saudari sekalian,

15. Saya berharap sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia Peringkat Kementerian Kerja Raya Tahun 2021 ini menjadi satu platform untuk meningkatkan semangat patriotisme terutamanya dalam diri warga Kementerian Kerja Raya dan Agensi.

16. Akhir kata dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya melancarkan Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia Peringkat Kementerian Kerja Raya Tahun 2021.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.